



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PENGHARGAAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN
KEPADA WARGA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPWKM YANG
TERLIBAT MANGSA BANJIR DI NEGERI PAHANG**

DI

DI SEKOLAH MENENGAH SRI TUALANG, TEMERLOH, PAHANG

PADA

13 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

(SALUTASI)

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurniaNya, saya bersama rombongan dari Putrajaya berpeluang turun lagi ke Negeri Pahang bagi meninjau pasca banjir di sini serta berjumpa dengan warga KPWKM di negeri Pahang.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang kerana sudi menjadi tuan rumah kepada Majlis Menghargai Jasa Kakitangan JKM dan agensi di bawah KPWKM khususnya dalam pengurusan dan bantuan banjir di Negeri Pahang serta mereka yang terlibat sebagai mangsa banjir tahun 2014/15. Ini adalah majlis kali ke tiga (3) yang diadakan sebagai simbol ucapan terima kasih saya, warga Kementerian dan agensi kepada tuan/puan yang telah menjalankan tugas tanpa mengira masa, erti penat lelah dan susah bagi memastikan rakyat mendapat manfaat serta perkhidmatan yang terbaik. Sebelum ini, majlis seumpama telah diadakan di Negeri Terengganu pada 2 Februari 2015 dan di negeri Kelantan pada 3 Februari 2015.

KRONOLOGI BANJIR DI NEGERI PAHANG

3. Sepertimana yang kita sedia maklum, kejadian banjir yang melanda di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang pada tahun 2014 adalah antara paling buruk dalam sejarah banjir di Negara ini. Saya difahamkan sebanyak 4 episod banjir berlaku di Negeri Pahang bagi tahun 2014/15:

- (i) Episod 1
 - 5 – 12 November 2014 di Cameron Highlands dilanda banjir lumpur di Pekan Ringlet
 - Melibatkan 12 keluarga dan seramai 73 mangsa

- (ii) Episod 2
 - 17 – 19 Disember 2014 di Daerah Kuantan
 - Melibatkan 419 keluarga dan seramai 1,665 mangsa
 - 7 pusat pemindahan telah dibuka

- (iii) Episod 3
 - 22 Disember 2014 hingga 12 Januari 2015
 - 9 buah daerah iaitu Kuantan, Pekan, Jerantut, Maran, Rompin, Bera, Temerloh, Bentong, Raub, Lipis dan Cameron Highlands
 - 352 pusat pemindahan dibuka yang melibatkan 21, 766 keluarga dan 99, 681 mangsa.

- (iv) Episod 4
 - 10 – 16 Januari 2015
 - Sungai Semantan di daerah Temerloh telah melimpah dan menyebabkan banjir sekali lagi di Temerloh khususnya di Kampung Batu Kapor
 - 3 pusat pemindahan telah dibuka yang melibatkan 259 keluarga dan 990 mangsa.

4. Sejumlah RM59,203,650.27 telah dibelanjakan bagi tujuan pengurusan bantuan bencana banjir di Negeri Pahang bagi tahun 2014/15. Bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada mangsa banjir, JKM turut dibantu oleh sukarelawan luar seperti pelatih PLKN Gambang, pelajar UMP Gambang, Gabungan Sukarelawan Pahang (GSP),

Persatuan Silat Negeri Pahang, Kolej Komuniti Kuala Pilah, Kolej Komuniti Temerloh, Persatuan dan Gerontologi Malaysia (GeM). Selain itu, dibantu oleh sukarelawan KPWKM, sukarelawan kebajikan JKMN Pahang dan sukarelawan JKMN Melaka.

UCAPAN TERIMA KASIH

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Bencana banjir pada kali ini juga memberi cabaran besar kepada warga kerja Kementerian khususnya JKM yang memainkan peranan utama dalam pengurusan bantuan bencana di pusat pemindahan. JKM telah memainkan peranan sebagaimana dalam Arahan MKN 20 iaitu bertanggungjawab menguruskan mangsa di pusat pemindahan dengan membuat pendaftaran mangsa banjir, penghantaran bekalan makanan dan keperluan asas serta pelaksanaan kaunseling dan aktiviti di pusat pemindahan.

6. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, pegawai dan kakitangan JKM telah memberikan komitmen jitu walaupun ada di antara mereka sendiri terlibat sebagai mangsa banjir. Ini adalah sesuatu yang sangat menyentuh hati saya kerana walaupun pada masa tersebut, rumah dan keluarga turut dilanda banjir tetapi mereka masih mengutamakan tugas untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan.

7. Saya cukup bangga apabila anda sendiri meletakkan kepentingan mangsa banjir yang lain dan masyarakat sekitar di tangga teratas dengan mendahulukan mereka. Menyelamatkan mangsa, menyelamatkan barangan, memberi bantuan, membersihkan rumah hingga kita sendiri

terlupa bahawa kita merupakan sebahagian daripada mereka. Ini merupakan satu contoh sifat murni tertinggi yang dapat saya lihat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Di sebalik tugas dan tanggungjawab menguruskan bencana banjir, seramai **263 orang** pegawai dan kakitangan KPWKM daripada **4 buah negeri** turut menjadi mangsa banjir pada kali ini iaitu **152 orang di Kelantan, 25 orang di Terengganu, 83 orang di Pahang dan 3 orang di Perak**. Seramai **83** orang warga KPWKM di negeri Pahang telah terlibat terdiri daripada **72 orang warga JKM** dan **11 orang adalah warga LPPKN**.

9. Oleh yang demikian, majlis ini diadakan adalah untuk melahirkan perasaan simpati dan penghargaan kepada semua warga KPWKM berkenaan yang telah sanggup mengorbankan kepentingan peribadi demi melunaskan tanggungjawab semasa bencana berlaku walaupun mereka juga menjadi mangsa banjir.

10. Saya dan warga KPWKM sememangnya amat menghargai segala usaha tuan/puan yang telah bertungkus lumus dan memberikan komitmen jitu bertugas semasa bencana tanpa mengira masa untuk memastikan segala keperluan dan kebajikan mangsa banjir di pusat pemindahan dijaga. Walau pun, bentuk sumbangan ini kecil dan tidak ternilai dengan segala jasa serta pengorbanan yang diberikan oleh tuan/puan, akan tetapi sekurang-kurangnya mampu mengubat keduakaan serta kesusahan yang dialami. Penghargaan dan sumbangan ini juga sebagai tanda keprihatinan Kementerian terhadap pegawai dan kakitangan termasuk keluarga yang menjadi mangsa banjir. Di samping, mampu meringankan beban kewangan dan emosi yang ditanggung selain bantuan ehsan yang akan diberikan oleh Kerajaan.

11. Melihat kepada pengorbanan murni ini, saya bersama barisan pengurusan tertinggi Kementerian telah duduk berbincang agar kebajikan keluarga kementerian kita tidak terabai dan mengambil pendekatan untuk turun padang sekali lagi ke negeri-negeri yang dilanda banjir untuk menyampaikan sumbangan. Sumbangan kecil kami ini sesungguhnya tidak ternilai jika dibandingkan dengan keringat daripada tulang empat kerat anda yang sama-sama berbakti untuk masyarakat. Oleh kerana itu saya cukup berbesar hati untuk menyampaikan sendiri sumbangan pada siri jelajah kali ini.

PENAMBAHBAIKAN

12. Setelah mengambil iktibar daripada bencana banjir luar biasa yang berlaku, serta lawatan turun padang saya hampir ke seluruh negeri, banyak penambahbaikan yang Kementerian fikirkan untuk persiapan bencana banjir yang saban tahun melanda terutamanya di negeri Pantai Timur.

13. Antaranya adalah mencontohi Pengurusan Bencana Banjir Daerah Kemaman yang dikhtiraf mencapai Piawaian Emas atau *Gold Standard* iaitu satu tahap yang tinggi dan boleh menjadi model kepada negeri lain.

14. Selain beberapa pendekatan fizikal baharu yang diperkenalkan oleh JKM iaitu foam mat, *collapsible partition* dan *collapsible tent*, saya melihat kepada pendekatan psikososial yang perlu ditambahbaik pada masa akan datang. Psikososial yang saya maksudkan ialah pendekatan secara rohani melalui aktiviti-aktiviti yang di pusat pemindahan dengan pelbagai

kategori seperti kanak-kanak, wanita dan lelaki dewasa melalui aktiviti permainan, ceramah agama, solat berjemaah, kelas masakan, ceramah motivasi serta pendedahan kepada kerja-kerja sukarela.

15. Aktiviti seperti ini setidak-tidaknya dapat mengalih perhatian mangsa-mangsa banjir dan mengisi masa lapang mereka di pusat pemindahan dengan lebih berfaedah. Selain daripada itu ia dapat mengelak kemungkinan masalah kemurungan akibat musibah yang menimpa.

16. Pengurusan data juga adalah antara yang Kementerian titik beratkan pada masa akan datang terutama semasa pendaftaran masuk mangsa-mangsa banjir. Kementerian sedang dalam melihat beberapa model terbaik pengurusan data mangsa banjir akan proses pendaftaran dan penyampain bantuan kepada mangsa berjalan dengan lancar.

PENUTUP

17. Saya tidak merancang untuk berucap dengan panjang lebar pada pagi ini. Apa yang ingin saya katakan hanyalah jasa tuan/puan amatlah tinggi nilainya dan penghargaan serta sumbangan yang diberikan pada hari ini diharap dapat menjadi penyuntik semangat agar dapat meneruskan usaha dan dedikasi tuan-puan.

18. Sokongan padu dan jitu dari semua pihak amat diperlukan untuk memastikan semua mangsa tidak kira warga emas, dewasa dan kanak-kanak dapat bangkit dari trauma yang dialami. Anggaplah musibah ini

sebagai Ujian daripada Allah SWT dan percaya setiap berlaku ada hikmah di sebaliknya. Mohon dihentikan tohmahan, buruk sangka dan tuding menuding kerana diyakini bahawa semua pihak telah melakukan usaha dan ikhtiar terbaik bagi membantu mangsa banjir di Negeri Pahang.

19. Saya berharap semua cabaran, dugaan dan kepayahan yang telah kita lalui pada tahun yang lalu dapat kita jadikan pedoman dan kekuatan untuk kita mengorak langkah untuk lebih maju. Memang benar ianya bukan mudah, namun semangat sebeginilah yang diperlukan untuk kita terus berjaya dalam apa yang kita laksanakan.

20. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan sekali lagi kepada semua pegawai dan kakitangan KPWKM di Negeri Pahang yang telah berkhidmat dengan cemerlang sepanjang berlakunya bencana banjir ini. Jasa dan budi tuan-puan amatlah tidak terhingga dan hanya Allah jua yang mampu memembalasnya. Anda semua adalah wira-wira yang tidak didendangkan.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmaullahi Wabarakatuh.